



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(23)
Tarikh : 10 Julai 2015

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 2/2015

**MAKLUMAN BERHUBUNG PENAMATAN KONTRAK PUSAT PENGHANTARAN KAIN DAN
MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM KEPADA SEMUA JABATAN DAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PMS/UKP/05/2012)**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kontrak Pusat Penghantaran Kain dan Menjahit Pakaian Seragam telah tamat pada 8 Julai 2014 dan pejabat ini tidak berhasrat untuk meneruskan kontrak pusat tersebut. Ini kerana peraturan berkenaan bekalan pakaian seragam telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), WP 2.3/2013 (Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam).

3. Selain itu, pemberian Bantuan Upah Jahit juga telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2014 (Bantuan Upah Jahit). Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada pekeling berkenaan sebelum melaksanakan perolehan berkaitan bekalan pakaian seragam.

4. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATUK YUSOF BIN HJ SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO: AR 3495